

19/02/1997

Hutan simpan: Kerajaan bersikap sederhana

IPOH, Selasa - Kerajaan Perak sentiasa bersikap sederhana dalam mena-ngani isu hutan simpanan kekal untuk pembangunan di negeri ini bagi kebaikan manusia dan hidupan liar.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata setakat ini, Perak mempunyai sejuta hektar hutan simpanan kekal yang turut menjadi habitat semula jadi hidupan liar seperti gajah dan haiwan lain.

Berikutan itu, katanya, selagi hutan terbabit tidak diperlukan bagi tujuan pembangunan, kerajaan negeri akan mengekalkannya untuk pembiakan dan habitat hidupan liar.

"Saya berpuas hati dengan usaha kerajaan negeri mengekalkan keluasan hutan simpanan kekal sebagai habitat semula jadi hidupan liar.

"Malah, hutan simpanan terbabit adalah antara yang paling luas di negara ini untuk memastikan hidupan liar membiak dengan baik.

"Ini termasuk di Belum yang diwartakan bagi tujuan itu selain dijadikan kawasan keselamatan khas kerana kedudukannya di sempadan Malaysia-Thailand," katanya kepada pemberita selepas jamuan Aidilfitri Yayasan Perak di sini, petang semalam.

Beliau mengulas teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin supaya pihak tertentu jangan bersikap keterlaluan dalam memelihara hidupan liar sehingga menimbulkan masalah kepada manusia.

(END)